

RINTANGAN PERJUANGAN DALAM KEHIDUPAN PENDAKWAH

Penulis : Fathi Yakan

Ringkasan : Nur Akmal binti Ismail

Alhamdulillah, kali ini kita berpeluang berkongsi mengenai rintangan orang kafir yang memerangi pendakwah. Sebenarnya rintangan ini adalah rintangan ketiga yang dibincangkan dalam buku yang bertajuk “Rintangan Perjuangan dalam Kehidupan Pendakwah” oleh Fathi Yakan. Syukur yang teramat kerana diberi peluang untuk membedah buku ini bersama kakak usrah kami.

Saya memilih rintangan ketiga kerana tertarik dengan huraian mengenainya. Di bawah rintangan ini, perbincangan tertumpu kepada lima subtopik kecil iaitu:

- 1) Nabi dan komplot orang kafir
- 2) Rasul dan konspirasi orang kafir
- 3) Para sahabat dan tipu daya orang-orang kafir
- 4) Penderitaan pemimpin dan para du’at sepanjang sejarah
- 5) Tribulasi para da’ei zaman moden

Rintangan Ketiga

Dalam melayari sebuah kehidupan di bumi Malaysia yang berbilang kaum, memang tidak dinafikan isu demi isu yang melibatkan agama dan bangsa sering dipertikaikan. Sejauh mana kita memandang isu ini sebagai isu yang penting ataupun isu yang hanya dipandang enteng dalam sesebuah pentadbiran yang berbagai kaum. Semuanya bukan hanya terletak pada pemimpin semata-mata, malah individu juga terlibat sama, lebih-lebih lagi para pendakwah yang menggalas suatu tanggungjawab yang berat dan begitu mencabar.

Rintangan ini bukanlah perkara baru, malah ia sudah lama dijadikan satu sejarah dan teladan sejak zaman para Anbiya' dahulu lagi. Pelbagai rintangan yang terpaksa mereka hadapi demi mempertahankan agama akidah iaitu agama penyembahan kepada Allah yang satu. Saya bawakan perbincangan ini dari satu subtopik kepada satu subtopik yang lain.

Nabi dan Komplot Orang Kafir

Sejarah para nabi yang terdahulu banyak mengajar kita tentang semangat mempertahankan agama Allah walaupun ditentang hebat oleh orang kafir yang keras hatinya dalam menerima apa yang disampaikan oleh para nabi. Pelbagai nikmat yang Allah sediakan melalui perantaraan pesuruhnya iaitu para nabi kepada hambaNya, namun pendustaan demi pendustaan yang mereka berikan terhadap nabi Allah. Memang sejak dahulu lagi, golongan kafir ini mengingkari perintah Allah malah terkenal dengan sifatnya yang angkuh.

Antara sejarah yang dapat kita kutip iktibarnya adalah kisah Nabi Ibrahim AS yang tidak pernah berputus asa menyeru kaumnya agar meninggalkan sembah berhala dan supaya tunduk pada Allah SWT. Firman Allah,

“Maka tidak adalah jawapan kaum Ibrahim, selain mengatakan “Bunuhlah atau bakarlah dia “ lalu Allah menyelamatkannya dari api. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda Kebesaran Allah bagi orang-orang yang beriman.” (Surah Al Ankabut: Ayat 24)

Selain itu, Nabi Isa AS juga tidak pernah jemu mengajak kaum Bani Israel agar menyembah Allah SWT. Seperti dalam Al-Quran,

“Sesungguhnya Allah Tuhanku dan Tuhanmu, kerana itu sembahlah Dia. Inilah jalan yang lurus.” (Surah Ali-Imran: Ayat 51)

Rasul Dan Konspirasi Orang Kafir

Rasulullah SAW ialah kekasih Allah yang banyak menerima cabaran dan dugaan dari Allah dalam menyebarkan agama Islam. Penindasan golongan kafir Quraisy terhadap baginda sangat hebat sehingga mereka sanggup merancang untuk membunuh baginda di tempat tidurnya sewaktu sebelum baginda berhijrah ke Madinah.

“Dan (ingatlah), ketika orang-orang kafir (Quraisy) menyusun tipu daya terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakanmu atau membunuhmu, atau mengusirmu, mereka memikirkan tipudaya dan Allah menggagalkan tipudaya itu. Dan Allah sebaik-baik pembalas tipudaya.”
(Surah Al-Anfal: Ayat 30)

Di samping itu, baginda juga diancam hebat ketika berhijrah ke Ta'if kerana golongan kafir menggunakan anak-anak muda untuk melemparkan batu ke arah baginda dan menyakitinya.

Ada juga ketikanya pada suatu hari, sedang baginda berjalan dan tiba-tiba orang musyrik yang duduk di Masjidil Haram melompat bangun menghadang dan mengelilingi baginda.

Mereka membentak, “Kaukah orang yang pernah berkata begini dan begitu?” Rasulullah pun menjawab; “Ya, akulah orang yang mengatakan demikian itu.” Pada hari itu baginda telah dipukul beramai-ramai oleh orang-orang kafir. Kalaulah tidak dengan takdir Allah Abu Bakar datang meleraikan mereka, nescaya baginda mungkin mati dikerjakan oleh orang-orang musyrik tersebut.

Selain itu, setelah hijrah ke Madinah, Safuan Bin Umaiya mengupah salah seorang kafir Quraisy yang bernama Umair bin Wahab untuk membunuh Rasulullah. Safuan berjanji akan menglangsaikan hutang Umair andai dia berjaya membunuh Rasulullah SAW. Namun, Allah telah mendedahkan segala tipu muslihat dan rancangan Umair dan Safuan. Rasulullah SAW bertanya kembali kepada Umair tentang apakah tujuan kedatangannya. Allah yang Maha Berkuasa telah menahannya dari melakukan perbuatan itu. Akhirnya, Umair akur dan menerima kebenaran Rasulullah SAW dan memeluk Islam.

Para Sahabat dan Tipu Daya Orang-orang Kafir

Walaupun banyak penentangan yang dilakukan oleh golongan kafir, para sahabat Rasulullah tidak pernah merasa diri mereka lemah, malah semangat mereka menegakkan Islam makin membara. Sebagai contohnya, dalam peristiwa Raji', pendakwah-pendakwah Islam dibunuh ketika mereka dalam perjalanan ke daerah 'Adal dan Qarah untuk meyebarkan Islam dan membimbing penduduk di situ. Antara yang terbunuh adalah Asim bin Sabit.

Selain itu, seorang lagi menerima nasib yang sama namun dalam peristiwa yang lain iaitu Khubaib bin Adi yang dibawa keluar dari Masjidil Haram untuk dibunuh, namun masih sempat untuk menunaikan solat 2 rakaat atas permintaannya sebelum dibunuh. Zaid bin Dhatanah juga adalah sahabat Rasulullah yang dibunuh oleh golongan kafir Quraisy. Beliau menunjukkan kecintaannya kepada Rasulullah di saat ajalnya datang menjemput. Begitu mendalam cintanya kepada Rasulullah SAW kerana enggan membenarkan dirinya diganti nabi untuk dibunuh dan rela berkorban diri untuk nabi SAW.

Dalam kejadian lain di Bi'ri Maunah orang-orang kafir telah mengkhianati 40 orang pendakwah muslim yang diminta oleh Abi Bura' Amir bin Malik yang asalnya telah disepakati untuk dibawa ke Najid untuk menyebarkan dakwah Islam. Contoh yang lain pula, dalam perang Uhud, tujuh orang Ansar telah menggadaikan nyawanya, mereka mati syahid mempertahankan Rasulullah SAW. Di samping itu, dalam perang Yarmuk, Ikramah bin Abi Jahal bersama-sama 400 orang pejuang Islam telah berjuang habis-habisan sehingga ke titisan darah yang terakhir sehingga ramai yang mati syahid dan luka-luka.

Penderitaan Pemimpin Dan Para Du'at Sepanjang Sejarah

Pemimpin dan para du'at telah menempuhi pelbagai rintangan dalam mempertahankan Islam dan sejarah juga telah membuktikannya. Antara contohnya, Sa'id bin Al-Musayyab RA yang enggan menjadi pengikut Abdul Malik bin Marwan. Beliau telah dihukum sebat 50 kali. Selain itu, Sa'id bin Jubair juga telah disembelih kerana telah menyebabkan Hajjaj bin Yusuf, penguasa fasiq dan Bani Thaqif murka.

Contoh yang sangat jelas juga pernah terjadi pada Imam Abu Hanifah an-Nu'man yang tidak bersetuju dengan politik Abi Ja'far Al-Mansur. Imam telah dipukul dan diracuni sehingga mati. Tidak hanya kepada Imam Abu Hanifah sahaja, namun Imam Ahmad bin Hanbal. Al-Mu'tasim telah menyiksa imam sehingga beliau kembali ke rahmatullah.